

KERATAN AKHBAR

NAMA AKHBAR : SINAR HARIAN (Selangor/KL)

TARIKH: 31 JANUARI 2018

M/S : 17

Pemaju kesal syarat perumahan di Selangor

SHAH ALAM - Beberapa pemaju perumahan meluahkan rasa kesal dengan garis panduan dan syarat dikenakan kerajaan negeri yang dilihat membebankan pemaju di negeri ini.

Wakil pemaju, Lee Aik Chong berkata, tekanan syarat dan caj yang dikenakan termasuk harga premium yang mahal membuatkan pemaju di Selangor tidak mampu lagi untuk membina rumah kos rendah seterusnya menyumbang kepada peningkatan harga rumah.

“Kami rasa beban dengan syarat ditetapkan kerajaan negeri yang tidak adil kepada pemaju, kita tiada masalah untuk syarat kuota bagi bumiputera dan sebagainya.

“Bila unit rumah tak terjual dalam tempoh tertentu, kami terpaksa tukar status kepada bukan bumiputera dan perlu bayar caj 10 peratus, proses itu juga makan masa. Jadi bila kita jual dalam tempoh itu, kita akan didenda

lagi sebanyak lima peratus menjadikan kita kena bayar 15 peratus harga unit rumah kepada kerajaan negeri.

“Katakanlah harga perumahan unit rumah kedai berharga RM 1 juta, 15 peratus daripadanya iaitu RM 150,000 caj kita kena bayar kepada kerajaan negeri, mahu tak mahu pemaju terpaksa naikkan harga unit rumah untuk menangani kos ini,” katanya dalam satu sidang media, semalam.

Selain daripada caj 15 peratus itu, menurutnya pihak pemaju perumahan juga dikenakan pelbagai caj tambahan caj perkuburan untuk setiap unit rumah yang dibangunkan dan sebagainya.

Katanya, caj yang dikenakan itu membuatkan kos pembangunan perumahan menjadi tinggi dan pemaju terpaksa menaikkan harga jualan.



Aik Chong (kanan) bersama Ketua Penerangan BN Selangor, Datuk Satim Diman pada sidang media itu.